



www.cidbholdings.com.my

## KENYATAAN MEDIA

### CIDB HOLDINGS RAIKAN RAKAN STRATEGIK DAN KLIEN PADA HARI APRESIASI PELANGGAN 2025

- Lapan (8) organisasi terima Pengiktirafan Penghargaan

Kuala Lumpur, 21 April 2025 – CIDB Holdings Sdn Bhd (CIDBH) hari ini telah menganjurkan **Hari Apresiasi Pelanggan** dengan bertemakan “*Meraikan Sokongan Anda*” di Glass Box, The MET Corporate Towers. Majlis ini diadakan khas untuk mengiktiraf dan menghargai para pelanggan, rakan strategik serta pemegang taruh atas sokongan dan komitmen yang diberikan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Mengangkat konsep **#rayaberbilangbangsa**, majlis ini bukan sahaja mencerminkan kepelbagaian yang menjadi kekuatan industri pembinaan negara, malah turut memperkukuh semangat perpaduan dari pelbagai kaum dan kolaborasi dalam memperkasakan kompetensi tenaga kerja tempatan. Seramai 130 jemputan hadir merangkumi wakil industri, penerima anugerah, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, kontraktor serta pemaju pada majlis tersebut.

Majlis dimulakan dengan ucapan inspirasi daripada Ketua Eksekutif CIDB Malaysia (Merangkap Pengerusi CIDBH), Pn. Zainora Zainal, yang menegaskan pentingnya membina jaringan kukuh antara CIDBH dan pemain industri ke arah ekosistem pembinaan yang lebih mampan dan berdaya saing. Sehingga Disember 2024, **lebih 100,000** peserta telah menyertai pelbagai program latihan anjuran CIDBH, mencerminkan keyakinan industri terhadap kualiti penyampaian dan keberkesanan modul latihan yang ditawarkan.

Sebagai kemuncak acara, lapan (8) organisasi telah diberikan **Pengiktirafan Penghargaan** atas komitmen cemerlang mereka dalam menyokong pembangunan latihan industri. Pengiktirafan ini merangkumi tiga (3) kategori utama, iaitu **Pengiktirafan Unggul**, **Pengiktirafan Setia**, dan **Pengiktirafan Khas**.

Bagi **Pengiktirafan Unggul**, penghargaan diberikan kepada **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)**, **Institut Kemahiran Baitulmal**, dan **S P Setia Berhad** atas penyertaan aktif mereka dalam melanggan program serta latihan dalam jumlah yang signifikan. **Pengiktirafan Setia** pula dianugerahkan kepada **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**, **OSK Construction Sdn Bhd**, dan **NAZA Engineering & Construction Sdn Bhd** yang telah menunjukkan sokongan konsisten terhadap pelaksanaan program latihan CIDBH dalam tempoh tertentu. Sementara itu, **Pengiktirafan Khas** diberikan kepada **Yayasan Sime Darby (YSD)** dan **Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp)** atas kerjasama strategik mereka yang merangkumi bentuk penajaan, maklum balas serta sokongan terhadap pembangunan kapasiti tenaga kerja industri.

Majlis turut dihadiri oleh barisan Ahli Lembaga Pengarah CIDBH, Ketua Eksekutif CIDBH, serta wakil-wakil organisasi industri, agensi kerajaan, PBT, pusat pengajian tinggi dan rakan strategik yang diraikan.

---

*CIDB Holdings Sdn Bhd ialah anak syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB Malaysia) yang ditubuhkan bagi menyokong aspirasi negara dalam memperkasa pembangunan industri pembinaan. CIDB Holdings berperanan sebagai pelaksana strategik dalam penyediaan perkhidmatan latihan, pembangunan kompetensi, konsultansi serta inisiatif kolaboratif yang menyokong peningkatan daya saing dan kemampanan industri pembinaan di Malaysia.*